

PELANCARAN SAMBUTAN HARI BUAH PINGGANG SEDUNIA 2012

04/03/2012

Yang Berusaha Pengacara Majlis,

YB Dato' Sri Liow Tiong Lai
Menteri Kesihatan Malaysia,

YB Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin
Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia,

YBhg Datuk Haji Othman Bin Mustapha
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM),

YBhg Tan Sri Datuk Lee Lam Thye
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak
Kesedaran Awam Pendermaan Organ,

YBhg Dato' Dr Zaki Morad Mohamad Zaher
Pengerusi Lembaga Pengarah
Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan,

YBrs Dr Wong Hin Seng
Presiden
Persatuan Nefrologi Malaysia,

Peserta-peserta Larian Hari Buah Pinggang Sedunia 2012,

YBhg Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri,
Dato'-Dato', Datin-Datin,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum W.B.T, Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana di atas keizinan dan rahmatNya, maka kita dapat bersama-sama pada pagi ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan Malaysia di atas usaha penganjuran program yang begitu bermakna kepada seluruh rakyat negara kita. Saya juga amat berbesar hati kerana dijemput untuk menghadiri serta merasmikan pelancaran Hari Buah Pinggang Sedunia 2012 di Dataran Merdeka ini.
3. Tahniah saya ucapkan kepada semua peserta larian pada hari ini kerana kesungguhan yang telah ditunjukkan. Saya kagum dengan semangat semua peserta yang telah bangun awal pagi pada hari Ahad ini untuk mengharungi larian di sekitar bandaraya Kuala Lumpur yang berakhir di Dataran Merdeka ini.

4. Saya percaya, penglibatan tuan-tuan dan puan-puan sekalian dalam larian ini merupakan satu menifestasi kesungguhan kita semua bagi menjaga kesihatan khususnya kesihatan buah pinggang.

5. Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia diadakan setiap tahun, bertujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat Malaysia mengenai kesihatan buah pinggang serta isu-isu kesihatan yang berkaitan dengan buah pinggang seperti penyakit kencing manis (atau diabetes) dan tekanan darah tinggi. Selaras dengan itu, tema untuk sambutan pada tahun ini adalah “Donate Kidney for Life Receive” yang memberi penekanan terhadap kepentingan pendermaan organ bagi membantu pesakit yang memerlukan khususnya yang menghidap penyakit kegagalan fungsi buah pinggang. Saya dimaklumkan bahawa pelbagai acara telah dirancang sepanjang minggu sambutan termasuk acara-acara di peringkat negeri.

6. Saban tahun, bilangan rakyat Malaysia yang menderita penyakit kegagalan fungsi buah pinggang semakin meningkat. Pada tahun 2001, seramai 7,837 rakyat negara ini menjalani rawatan dialisis dan jumlah ini telah meningkat kepada 22,932 pada tahun 2010. Peningkatan jumlah pesakit tersebut adalah lebih tiga kali ganda dalam tempoh hanya sepuluh tahun dan peningkatan ini dijangka akan berterusan, sekiranya langkah-langkah penjagaan kesihatan tidak diutamakan.

7. Seperti negara-negara maju yang lain, penyakit kencing manis dan juga tekanan darah tinggi merupakan punca utama yang menyebabkan penyakit kegagalan buah pinggang. Apa yang lebih membimbangkan, kebanyakan pesakit tidak menunjukkan sebarang gejala semasa di peringkat awal menyebabkan ia dikenali sebagai “silent disease”. Oleh itu, adalah penting bagi pesakit yang berisiko tinggi menjalani saringan agar penyakit ini dapat dikesan sebelum berada di peringkat yang lebih teruk sehingga memerlukan rawatan dialisis.

8. Pada penghujung tahun 2011, sebagai salah satu langkah proaktif Kerajaan, melalui Kementerian Kesihatan telah menerbitkan secara rasmi garis panduan “Clinical Practice Guideline on the Management of Chronic Kidney Disease in Adult”. Tujuannya adalah untuk menangani masalah penyakit buah pinggang dan memperkukuhkan pengurusan rawatan pesakit khususnya di peringkat penjagaan komuniti atau “primary care”.

9. Namun begitu, penglibatan secara menyeluruh masyarakat kita di dalam mencegah penyakit buah pinggang ini, amatlah perlu. Amalan gaya hidup sihat seperti mengamalkan pemakanan yang seimbang serta mempertingkatkan aktiviti fizikal seperti senaman, masih lagi merupakan langkah yang praktikal dan penting bagi menangani penyakit ini. Bagi mereka yang telah pun disahkan menghidap penyakit seperti kencing manis dan darah tinggi; nasihat doktor perlulah dipatuhi dengan menjalani rawatan yang telah disediakan.

10. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap tahap kesihatan rakyat Malaysia kerana rakyat yang sihat akan berupaya menyumbang ke arah pembangunan negara. Di samping menyediakan rawatan yang berkualiti untuk rakyat, program kesedaran dan pencegahan penyakit juga turut dipergiatkan. Oleh itu, Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia memperuntukkan lebih kurang RM20 juta setahun untuk pelaksanaan pelbagai aktiviti pendidikan pencegahan sehingga ke kawasan luar bandar, khususnya yang berkaitan dengan program amalan hidup sihat, pemakanan seimbang dan promosi aktiviti fizikal seperti senaman.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

11. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, penyampaian perkhidmatan rawatan termasuk perkhidmatan dialisis di negara ini secara amnya bertambah baik berbanding dahulu. Kerajaan dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan telah memastikan sistem penyampaian perkhidmatan dialisis yang lebih menyeluruh kepada semua peringkat dan lapisan rakyat. Dari tahun 2001 sehingga 2010, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM171.1 juta dalam bentuk subsidi rawatan hemodialisis kepada badan-badan bukan kerajaan. Dari tahun 2001 sehingga 2010 juga, Kerajaan telah menyediakan RM20.15 juta dalam bentuk “capital grant” kepada pusat dialisis badan-badan bukan kerajaan untuk tujuan pembelian mesin hemodialisis baru. Dianggarkan 23,390 orang pesakit telah mendapat manfaat hasil daripada inisiatif kerajaan ini dalam tempoh 10 tahun tersebut. Ini memaparkan kesungguhan dan komitmen tinggi Kerajaan di dalam membantu pesakit-pesakit kita yang memerlukannya.

12. Selain dialisis, alternatif rawatan bagi pesakit yang mengalami penyakit kegagalan fungsi buah pinggang serta organ-organ lain seperti jantung, paru-paru dan hati adalah melalui pembedahan pemindahan organ.

13. Buat masa ini, dianggarkan seramai 15,078 orang pesakit sedang menunggu untuk mendapatkan organ dan kebanyakannya adalah pesakit buah pinggang, iaitu sekitar 15,055 orang. Lain-lain pesakit yang sedang menunggu untuk mendapatkan organ adalah termasuk 18 orang pesakit kegagalan fungsi hati dan 8 orang pesakit jantung dan paru-paru.

14. Oleh yang demikian sementara menunggu mendapatkan organ yang bersesuaian, seseorang pesakit kegagalan fungsi buah pinggang boleh menjalani rawatan dialisis. Walau bagaimana pun, bagi pesakit lain yang mengalami kegagalan fungsi organ seperti jantung, paru-paru dan hati tidak mempunyai sebarang alternatif dan ramai pesakit ini, termasuk kanak-kanak tidak dapat diselamatkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

15. Pada tahun 2011, Malaysia mencatat sebanyak 47 pendermaan organ dan tisu selepas kematian iaitu bersamaan dengan 1.6 pendermaan bagi setiap juta penduduk Malaysia. Jumlah penderma yang dicatat untuk tahun 2011 tersebut merupakan pencapaian yang tertinggi setakat ini semenjak tahun 1975. Saya yakin peningkatan ini adalah hasil strategi dan pendekatan yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kesihatan dan pihak-pihak lain yang berkaitan di dalam mewujudkan kesedaran yang lebih baik di dalam masyarakat. Sehingga Januari 2012, jumlah keseluruhan rakyat Malaysia yang telah mendermakan organ dan tisu setelah kematian adalah seramai 361 orang sejak tahun 1975.

16. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Kesihatan dan lain-lain pihak yang terlibat termasuk Persatuan Transplant Malaysia, Persatuan Nefrologi Malaysia, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan lain-lain di atas usaha yang telah dijalankan.

17. Sudah tentu jurang perbezaan yang ketara di antara keperluan dan bekalan organ memberi cabaran kepada Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan di dalam menangani isu penyakit kegagalan fungsi organ. Saya berharap, usaha yang sedia ada ini dapat dipertingkatkan lagi dan pendekatan baru perlu diambil bagi memperbaiki lagi keadaan. Saya juga menyeru lebih ramai pihak termasuk badan-badan bukan kerajaan dan pihak swasta agar

tampil ke hadapan membantu pihak Kerajaan khususnya pihak Kementerian Kesihatan di dalam mengatasi isu kesedaran awam mengenai penyakit buah pinggang dan juga pendermaan organ.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

18. Saya difahamkan bahawa Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia pada kali ini merupakan hasil kerjasama di antara badan-badan bukan kerajaan dan Kementerian Kesihatan Malaysia khususnya Persatuan Nefrologi Malaysia, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan, Unit Perkhidmatan Transplant Bahagian Perkembangan Perubatan, Pusat Sumber Transplant Nasional dan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia. Kerjasama serta perkongsian pintar (atau “smart partnership”) yang terjalin di antara pihak Kerajaan dan agensi-agensi lain harus dipuji terutamanya di dalam penganjuran aktiviti yang bersifat sosial dan kebajikan. Diharap pendekatan seumpama ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

19. Sebelum saya mengakhiri ucapan, tahniah dan setinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2012 di atas kejayaan penganjuran acara ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah di atas segala usaha yang telah diberikan bagi mengadakan larian serta pelbagai lagi program yang menarik sepanjang sambutan.

20. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim. saya dengan ini merasmikan Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2012 yang bertemakan “Donate Kidney for Life Receive”.

Sekian terima kasih.

Wabillāhi al-taufīq wa al-hidāyah wa al-salāmu’alaikum wa rahmatullāhi wabarakātuh.